

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HGM 436 Geografi Pertanian

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam TIGA [3] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B. SOALAN NO 1 adalah WAJIB.

BAHAGIAN A - Jawa DUA [2] soalan

1. Tuan punya ladang A mempunyai keluasan tanah untuk tanaman seluas 73 hektar dan mempunyai jumlah jam kerja per hektar yang terhad untuk 5 jenis tanaman yang sesuai diusahakan. Rujuk Jadual 1 dan jawab soalan-soalan berikut:

(a) Cari kombinasi bidangusaha (tanaman) yang paling sesuai.

(15 markah)

(b) Jelaskan faktor-faktor yang mungkin menyebabkan gunatanah atau pemilihan bidangusaha tertumpu kepada monokultura walaupun kombinasi tanaman yang sesuai melebihi satu jenis tanaman.

(10 markah)

Jadual 1

Keluasan bidangusaha yang boleh ditanam dan keperluan tenaga kerja untuk setiap bidangusaha di Ladang A

Bidangusaha	Keluasan (hektar)	Jam-kerja piawai (per hektar)
Jagung	20	120
Padi	30	186
Rempah	8	180
Sayuran	5	360
Tembakau	10	300
Jumlah	73	1146

2. Dengan merujuk kepada Jadual 2, jawab soalan-soalan berikut:

(a) Bincangkan ciri-ciri pertanian negara maju dengan negara membangun.

(15 markah)

(b) Jelaskan kenapakah negara berpendapatan rendah bergantung sepenuhnya kepada sektor pertanian?

(10 markah)

Jadual 2

Perbandingan nisbah tenaga buruh dalam sektor pertanian dan peratusan eksport hasil pertanian, 1982

Negara	Peratus tenaga dalam pertanian	Peratus eksport pertanian	Jumlah nilai eksport pertanian (US \$)	Jumlah nilai eksport pertanian perkapita (US \$)
<u>Negara berpendapatan tinggi</u>				
New Zealand	16	89	698	278
Australia	13	81	1871	175
Denmark	23	59	959	204
Kanada	11	38	2261	122
Amerika	7	26	5569	298
Syarikat				
<u>Negara berpendapatan rendah</u>				
Myanmar	-	94	248	11
Sri Lanka	53	93	344	33
Brazil	61	83	1008	13
Mexico	54	60	560	15
India	70	46	661	1

Sumber: United Nation Statistical Office, 1983.

3. (a) Bincangkan teori Von Thunen dalam dunia moden.

(15 markah)

(b) Jelaskan tentang intensiti, persaingan dan herotan lingkaran gunatanah pertanian.

(10 markah)

.../3

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Kemajuan teknologi dalam bidang pertanian dapat mengatasi batasan-batasan persekitaran fizikal. Berikan hujah-hujah anda dengan berpandukan kepada contoh-contoh tertentu. (25 markah)
5. Pembangunan pesat dalam sektor pertanian akan memberikan kesan buruk kepada alam sekitar. Sejauh manakah kenyataan ini benar dalam konteks pembangunan pertanian di Malaysia. (25 markah)
6. (a) Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan sistem klasifikasi keupayaan tanah. (10 markah)
- (b) Nyatakan kepentingannya di dalam perancangan pembangunan pertanian sesebuah negara. (15 markah)